

15 OCT 2003

MAHATHIR-LANDASAN

MMC-GAMUDA ANTARA YANG CUBA DAPATKAN KONTRAK LANDASAN SEREMBAN-JB

Oleh: Wan Nurzila Wan Abdul Rahman

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan bahawa sebuah konsortium yang diketuai oleh Gamuda Bhd dan Malaysia Mining Corporation (MMC) berada dalam senarai untuk mendapatkan projek landasan berkembar menghubungkan Seremban dan Johor Baharu.

Bagaimanapun, "terdapat banyak perkara yang perlu diputuskan," kata Perdana Menteri semasa ditanya mengenai projek berkenaan di luar Forum Perniagaan OIC di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kontrak berkenaan, yang dikatakan sebagai kontrak infrastruktur terbesar tahun ini, "masih belum diluluskan."

Dalam satu laporan hari ini, MMC dan Gamuda dikatakan mendapat niaga janji AS\$3.8 bilion untuk membina sebahagian daripada landasan yang menghubungkan Singapura ke China selepas mendapat kelulusan daripada kabinet.

Laporan itu menyebut usaha sama MMC-Gamuda berkemungkinan berkongsi projek landasan berkembar dengan Indian Railway Construction Company (Ircn) yang akan melaksanakan landasan di antara Ipoh ke Padang Besar.

Usaha sama MMC-Gamuda itu telah dikatakan akan melaksanakan projek Seremban-Johor Bharu.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan Datuk Chan Kong Choy mengesahkan bahawa Kabinet telah membuat keputusan berhubung penswastan dan pembinaan projek landasan berkembar yang bernilai berbilion ringgit itu.

"Kerajaan telah membuat keputusan muktamad mengenai projek itu. Tapi pada tahap ini tiada sebarang maklumat terperinci didedahkan.

"Keputusan hari ini adalah mengenai pembinaan dan penswastan projek itu, itu sahaja yang dapat saya bagi tahu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Penghargaan Pelanggan Northport di Subang, malam ini.

Beliau juga enggan menyatakan bila pengumuman mengenai butiran terperinci kontrak itu akan dibuat. -- BERNAMA

WNZ/AT MR SD FR ZK